

KHUTBAH JUMAAT

“HARI MALAYSIA: MEMPERKUKUH PERPADUAN, MEMBINA MASA DEPAN HARMONI ”

(11 September 2026M/ 29 Rabiulawal 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan penuh keikhlasan dan kesedaran, dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya ketakwaan merupakan sebaik-baik bekalan dalam perjalanan kehidupan kita. Takwa bukan sahaja menjadi jalan menuju kebahagiaan di akhirat, bahkan menjadi asas yang kukuh dalam membentuk peribadi yang mulia, keluarga yang harmoni, masyarakat yang bersatu padu serta negara yang aman, makmur dan sejahtera.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita mengambil kesempatan pada hari yang penuh keberkatan ini untuk membuka hati dan minda, serta memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang bakal disampaikan. Hayatilah setiap nasihat dan pengajaran yang disampaikan dengan hati yang tenang agar dapat kita manfaatkan dalam kehidupan seharian. Justeru, marilah kita bersama-sama menjaga adab

sepanjang khutbah berlangsung dengan mengelakkan percakapan, perbuatan yang sia-sia serta penggunaan telefon bimbit yang boleh mengganggu tumpuan dan mengurangkan kesempurnaan pahala solat Jumaat.

Semoga dengan kesediaan kita mendengar, menghayati dan mengamalkan mesej khutbah ini, kita memperoleh keberkatan daripada Allah *subhanahu wata'ala*, di samping memperkukuh rasa kasih sayang, hormat-menghormati dan kebersamaan sesama kita sebagai sebuah masyarakat yang hidup dalam kepelbagaian. Khutbah yang akan disampaikan pada hari ini membawa satu tema yang amat dekat dengan kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia, iaitu: ***“Hari Malaysia: Memperkukuh Perpaduan, Membina Masa Depan Harmoni.”***

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap tahun pada 16 September, kita akan menyambut Hari Malaysia sebagai mengingati detik bersejarah penubuhan negara tercinta ini pada tahun 1963. Tarikh ini bukan sekadar perayaan biasa, bahkan lembaran penting penyatuan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak dalam satu gagasan bernama Malaysia. Gagasan penubuhan Malaysia ini bukanlah mudah, kerana telah melalui banyak perbincangan, perundingan malah wujud juga penentangan daripada pihak-pihak tertentu. Namun, atas kesedaran dan kerjasama para pemimpin dan rakyat, maka lahirlah Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada tahun 1963. Inilah

bukti bahawa perpaduan dan muafakat mampu melahirkan kekuatan sebuah negara.

Generasi yang terdahulu telah berjuang untuk membentuk sebuah negara yang bernama Malaysia dengan penuh kesungguhan dan pengorbanan, maka generasi kini haruslah bertanggungjawab untuk mempertahankannya demi leluhur tercinta. Kunci utama ialah perpaduan dalam kepelbagaian bangsa, budaya dan bahasa yang merupakan anugerah Allah *subhanahu wata'ala* untuk kita saling mengenali dan bekerjasama ke arah membina masa depan yang harmoni. Sesungguhnya, Islam menuntut umatnya untuk hidup bersatu padu, saling mengenali, dan berkasih sayang tanpa mengira latar belakang bangsa mahupun wilayah. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ (١٣)

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Ayat tadi menegaskan bahawa kepelbagaian kaum, budaya, dan latar belakang di bumi Malaysia ini adalah ketetapan Allah *subhanahu wata'ala* yang sarat dengan hikmah. Tugas kita sebagai warganegara adalah menterjemahkan kepelbagaian ini kepada kekuatan, bukan perpecahan; kepada kasih sayang, bukan permusuhan.

Menjaga keamanan dan keharmonian masyarakat merupakan satu amanah yang harus dipikul oleh kita semua. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sendiri telah membina masyarakat Madinah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan pemikiran melalui prinsip keadilan, tanggungjawab bersama dan penghormatan terhadap hak masyarakat.

Perpaduan yang dituntut Islam bukanlah menghapuskan perbezaan agama, bangsa dan budaya, tetapi mengurus perbezaan tersebut dengan hikmah, keadilan, saling menghormati dan bekerjasama dalam perkara yang membawa kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Hari Malaysia juga mengingatkan kita bahawa membina negara bukan hanya tugas kerajaan, malah tanggungjawab kerajaan dan seluruh rakyat. Kerajaan mempunyai amanah untuk menyediakan pembangunan, infrastruktur, keselamatan, pendidikan, kesihatan, peluang pekerjaan dan perkhidmatan awam yang baik. Pemimpin pula mempunyai amanah untuk mentadbir dengan adil dan berintegriti. Manakala rakyat mempunyai amanah untuk membantu

dan menyumbang dalam pelbagai sektor pekerjaan, ilmu, kepakaran, perniagaan, pendidikan dan khidmat kepada masyarakat.

Bagi kita di Sarawak, semangat Hari Malaysia hendaklah diterjemahkan melalui tekad membina negeri yang maju, sejahtera dan bermaruah. Aspirasi Sarawak 2030 melalui PCDS 2030 menuntut perubahan pemikiran dan penyertaan seluruh rakyat. Namun, apakah makna kemajuan jika bangunan semakin tinggi tetapi akhlak semakin rendah; pendapatan meningkat tetapi jurang kehidupan melebar; teknologi semakin canggih tetapi keluarga semakin rapuh?

Islam menegaskan bahawa kemajuan sebenar bukan sekadar diukur melalui kekayaan, pembangunan fizikal dan teknologi, tetapi mesti berjalan seiring dengan kekuatan iman, keutuhan keluarga, keadilan sosial, amanah dan integriti. Kemajuan yang diberkati ialah kemajuan yang tidak meninggalkan nilai agama, kesejahteraan rakyat dan kemuliaan akhlak.

Oleh itu, umat Islam hendaklah menyokong dan terlibat secara aktif dalam usaha pembangunan ini. Usaha membangunkan kepakaran, memperkasakan pendidikan dan ekonomi serta menguasai kemahiran yang diperlukan masyarakat merupakan antara tuntutan fardu kifayah dalam memakmurkan bumi dan membina kehidupan yang sejahtera, berdaya maju serta mendapat keredaan Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Kerajaan Sarawak telah memberi perhatian yang utama kepada sektor ekonomi digital, tenaga boleh diperbaharui, hidrogen, inovasi serta pembangunan industri baharu bagi membina ekonomi yang lebih pelbagai dan berdaya tahan. Dalam masa yang sama, pembangunan modal insan turut diberi perhatian.

Umat Islam terutamanya generasi muda perlu menguasai ilmu agama dan ilmu dunia, perlu celik teknologi tetapi tetap celik adab, perlu berani berinovasi tetapi tidak meninggalkan nilai amanah, perlu menjadi pekerja yang berkemahiran, usahawan yang jujur, saintis yang berintegriti, guru/pensyarah yang berdedikasi, jurutera yang amanah dan pemimpin yang bertakwa dan berwawasan tinggi.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bersempena dengan sambutan Hari Malaysia beberapa hari lagi, marilah kita memperbaharui tekad untuk terus menjadi warganegara yang patriotik, bertanggungjawab, dan menyumbang secara positif kepada agama, bangsa, dan negara khususnya Ibu Pertiwi ini.

Kemerdekaan dan kedaulatan yang kita kecapi hari ini adalah amanah daripada Allah *subhanahu wata'ala* yang diwariskan melalui pengorbanan besar para pejuang terdahulu dan haruslah dipertahankan selama-lamanya. Jangan biarkan anasir-anasir asing mengganggu dalam senyap. Marilah kita sama-sama mendoakan agar Sarawak khasnya dan Malaysia amnya sentiasa berada dalam limpahan rahmat, kemakmuran, keamanan, serta terpelihara daripada sebarang bentuk musibah, perbalahan, dan perpecahan.

Sebelum mengakhiri khutbah ini, khatib ingin mengajak para jemaah agar mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Umat Islam hendaklah menghayati nilai perpaduan demi mengekalkan kemerdekaan dan mempertahankan keharmonian negara.

Kedua: Pembangunan negara memerlukan kerjasama erat antara pemerintah dan rakyat. Setiap Muslim hendaklah menyumbang melalui ilmu, kepakaran dan profesion masing-masing sebagai sebahagian daripada usaha memakmurkan bumi.

Ketiga: Kecemerlangan dan kelestarian pembangunan negara pada masa hadapan amat bergantung kepada pembentukan generasi muda yang holistik dan seimbang, khususnya melalui penguasaan ilmu pengetahuan agama dan ilmu moden, keupayaan mengadaptasi perkembangan teknologi, serta penghayatan nilai etika dan akhlak yang tinggi. Dalam konteks ini, peranan ibu bapa dan guru sebagai agen sosialisasi, pendidikan dan pembentukan sahsiah amat signifikan dalam memastikan proses pembangunan generasi muda dapat dilaksanakan secara berterusan, sistematik dan berkesan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Nisa', ayat 147:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِنْ شَكَرْتُمْ وَءَامَنْتُمْ ۚ وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا

Maksudnya : Allah tidak akan menyiksa kamu, sekiranya kamu bersyukur (akan nikmat-Nya) serta kamu beriman (kepada-Nya). Dan (ingatlah) Allah sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepada-Nya), lagi Maha Mengetahui (akan hal keadaan mereka).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berikutan keadaan cuaca berjerebu sehingga tahap berbahaya menurut Indeks Pencemaran Udara (IPU) di beberapa kawasan, maka dinasihatkan agar mengurangkan aktiviti fizikal di luar bangunan, memakai pelitup muka yang sesuai terutamanya untuk golongan yang berisiko tinggi, dan minum air kosong secukupnya. Pada masa yang sama, patuhilah nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

Selain itu, teruslah mengimarahkan masjid dan surau secara istiqamah dengan melaksanakan solat fardu berjemaah dan menghadiri majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Kukuhkanlah perpaduan dengan sikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama sesama masyarakat. Usahakanlah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita dirahmati dan diberkati. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lenyapkanlah jerebu yang sedang melanda negeri kami ini, dan pulihkanlah kembali keadaan cuaca dan udara yang bersih serta sihat kepada kami.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.